

25/05/2005

MAHATHIR-SRILANKA

MAHATHIR LAWAT SRI LANKA DUA HARI

Oleh: Feizal Samath

COLOMBO, 25 Mei (Bernama) -- Bekas perdana menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di Sri Lanka esok sempena lawatan dua harinya yang termasuk bertemu dengan Presiden Chandrika Kumaratunga dan berkongsi pandangan mengenai bagaimana Malaysia berkembang maju di bawah pimpinannya.

Dalam jadualnya yang sibuk itu beliau juga akan dikurniakan anugerah "Adam's Peak" oleh Majlis Muslim Sri Lanka di atas kepimpinan cemerlangnya kepada masyarakat Islam global.

Dr Mahathir akan diiringi oleh isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan para pegawai daripada Yayasan Kepimpinan Perdana bersama satu delegasi perniagaan.

Antara acara kemuncak lawatannya adalah beliau akan menyampaikan ucapnama bertajuk "Passion for Perfection" di Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Global CIMA.

Bekas kapten pasukan kriket Pakistan Imran Khan juga dijangka memberikan ucapannya di majlis yang sama.

CIMA Sri Lanka merupakan cawangan Colombo bagi Institut Perakaunan Pengurusan Bertauliah yang berpangkalan di United Kingdom.

Ia merupakan lawatan pertama Dr Mahathir ke Sri Lanka.

Beliau juga akan menghadiri majlis makan malam yang dihoskan oleh Presiden Kumaratunga pada 26 Mei selepas sidang kemuncak tersebut.

Terdahulu pada hari itu beliau akan menjadi tetamu utama di forum perniagaan yang dianjurkan oleh Lembaga Pelaburan Sri Lanka di bawah naungan Menteri Industri, Pelaburan dan Pelancongan Anura Bandaranaike.

Dr Mahathir juga akan menjadi tetamu utama dalam majlis sambutan ulang tahun ke-10 MTN Networks Pvt Ltd (Dialog GSM), anak syarikat milik penuh Telekom Malaysia.

Anak syarikat Telekom itu menukar namanya kepada Dialog menjelang cadangan terbitan saham awamnya di pasaran saham Colombo.

Dialog merupakan pengendali telefon mudah alih terbesar Sri Lanka dengan lebih satu juta unit pelanggan. -- BERNAMA

FS SHO LC ZK